

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [PUTATAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan berkenaan dengan cadangan Transparency International Malaysia yang mencadangkan hukuman pesalah rasuah perlu dikaji semula agar hukuman yang lebih berat dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman bagi kesalahan-kesalahan kes rasuah diperuntukkan di bawah Seksyen 24 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, iaitu apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan, yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM 10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Sebarang saranan untuk pindaan terhadap hukuman pesalah rasuah memerlukan kajian yang lebih mendalam. Ini kerana hukuman sedia ada merupakan penambahbaikan terhadap hukuman yang dikenakan dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Hukuman yang dikenakan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 adalah lebih berat berbanding akta sebelumnya.

Walau bagaimana pun, ia bergantung kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada kes yang dikemukakan. Disinilah pihak penyiasat dan pendakwa perlu memainkan peranan dalam mengemukakan fakta-fakta dan bukti dalam membantu mahkamah menentukan tahap keseriusan sesuatu kes dan seterusnya menentukan kadar hukuman yang berpadanan. Harus juga diingatkan bahawa kebebasan mahkamah adalah terpelihara di bawah Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.